

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN GOBIND SINGH DEO (PUCHONG)

TARIKH : 15 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah kes COVID-19 di penjara-penjara Malaysia dan apakah tindakan Kerajaan untuk mengatasi kes-kes tersebut serta memastikan keselamatan tahanan-tahanan dan juga pegawai-pegawai penjara serta polis dan semua pihak lain yang terlibat dalam urusan penjara.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa institusi penjara terjejas akibat penularan wabak COVID-19. Statistik Jabatan Penjara Malaysia sehingga 03 November 2020 menunjukkan seramai 1,160 banduan telah disahkan positif COVID-19. Manakala bagi kes anggota dan keluarga anggota pula, pada tarikh tersebut seramai 125 orang disahkan positif.

Bagi membendung masalah ini, Jabatan Penjara Malaysia telah mengambil dan mengikuti segala SOP yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk merawat, melaksanakan kuarantin dan mencegah penularan wabak tersebut kepada banduan dan kakitangan.

SOALAN NO : 16

Jabatan Penjara Malaysia turut mempunyai perintah tetap jabatan yang antaranya menetapkan agar semua banduan sebelum diterima masuk ke penjara, perlu mempunyai keputusan ujian saringan COVID-19. Perintah tetap ini selaras dengan keputusan sidang khas Majlis Keselamatan Negara pada 15 Oktober 2020 yang telah bersetuju agar dilaksanakan ujian pengesanan COVID-19 kepada semua banduan semasa kemasukan bagi memastikan penularan COVID-19 di penjara dapat dicegah sepenuhnya.

Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Jabatan Penjara Malaysia melalui Kementerian Dalam Negeri (KDN) dengan kerjasama KKM dalam memastikan penularan wabak ini adalah terkawal dalam komuniti penjara.

Jabatan Penjara Malaysia bersama dengan KDN sedang dalam proses memuktamadkan cadangan penempatan banduan sabitan dan reman kategori risiko keselamatan minimum di beberapa bekas kem Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang akan diwartakan sebagai penjara sementara di bawah seksyen 8 Akta Penjara 1995 dan berfungsi sebagai *admission prison*.

Bagi tujuan yang sama iaitu mengurangkan tahap kebolehjangkitan, Jabatan Penjara Malaysia telah mewujudkan pusat-pusat transit di institusi penjara untuk penempatan banduan yang boleh diterima masuk ke institusi tersebut dengan mengambil kira keperluan pengasingan berdasarkan tarikh-tarikh kemasukan. Selaras dengan hala tuju Jabatan Penjara Malaysia iaitu dua pertiga banduan sabitan yang layak akan menjalani pemulihan di luar penjara, langkah-langkah pengurangan kesesakan melalui pelaksanaan dan pemerkasaan sistem parol, perintah kehadiran wajib, program integrasi penghuni industri, program *corporate smart internship* dan pelepasan banduan secara lesen. Ini akan dilaksanakan berterusan dengan itu dapat menjangka akan mengurangkan kesesakan dan juga kita dapat mengekang penularan wabak COVID-19 di dalam penjara.

Pada masa yang sama bagi memastikan keselamatan banduan dan tahanan serta anggota penjara, polis dan semua anggota penguatkuasa lain yang terlibat dalam urusan penahanan, Jabatan Penjara Malaysia turut mengeluarkan dua SOP seperti berikut:

1. *Standard Operating Procedure (SOP) Penerimaan Banduan Semasa COVID-19*

Aspek yang diberikan penekanan dalam SOP ini adalah:

- i. Proses penerimaan banduan yang melibatkan semakan waran, saringan kesihatan, banduan kebersihan diri (*mandi*) dan penjarakan fizikal.
- ii. Pendaftaran banduan yang perlu dilaksanakan dengan penjarakan fizikal, pemakaian *PPE, face shield, face mask*, sarung tangan dan mengelakkan sentuhan kecuali diperlukan.
- iii. Ruang penempatan kuarantin yang mempunyai 14 dormitori yang mencukupi bagi memastikan pengasingan berdasarkan kemasukan harian, tiada percampuran dengan banduan dari dormitori lain, pengosongan dan nyahkuman dormitori termasuk tatacara penggunaan tandas.
- iv. Keperluan saringan COVID-19 dan tatacara penamatan tempoh kuarantin.

2. *Standard Operating Procedure (SOP) Pengiringan Banduan Semasa COVID-19*

SOP ini merangkumi pengiringan ke hospital, pengiringan ke mahkamah dan pengiringan pemindahan banduan, di mana antara kandungan utamanya adalah seperti berikut:

- i. Sebelum Pengiringan Banduan yang melibatkan pemeriksaan kesihatan terhadap pegawai pengiring dan banduan, nyahkuman peralatan keselamatan dan kenderaan serta bekalan peralatan lain termasuk sarung tangan, pelitup muka dan cecair sanitasi (*hand sanitizer*)

SOALAN NO : 16

- ii. Semasa pengiringan yang melibatkan penjarakan fizikal dan pemakaian penutup muka oleh banduan dan anggota pengiring.
- iii. Selepas Pengiringan langkah yang digunakan kembali tertakluk kepada SOP Penerimaan Banduan.
- iv. Penjelasan berhubung perkara-perkara lain yang dibenarkan dan tidak dibenarkan penggunaan gari, pelitup muka, penggunaan kenderaan, penggunaan pegawai atau pembantu pegawai perubatan.